



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 22

RABU 20 NOVEMBER, 1963.

رابعو 4 رجب 1383

PERCHUMA

## PERBEKALAN BERAS THAI KA-BRUNEI:

# MENTERI BESAR KA-BANGKOK

**BERAKAS.** — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un telah berangkat dari Brunei dengan kapal terbang ka-Bangkok, ibu kota Thailand melalui Singapura pada petang hari Juma'at 15 November, 1963 untuk membuat peratoran dengan pihak yang berkuasa Kerajaan Thailand serta juga mengikat perjanjian dengan Kerajaan Thailand bagi mendapatkan satu perbekalan khas beras pada tiap2 tahun untuk Negeri Brunei.

Beras itu akan di-bekalkan bilamana di-kehendaki dan berdasarkan penjualan di-antara sa-buah Kerajaan dengan sa-buah Kerajaan yang lain.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah diiringi oleh Pengawal Jabatan Perbekalan Negeri Brunei, Inche J.S. Clark dan Inche Isa bin Haji Ibrahim dari Jabatan Kehakiman Negeri Brunei.

Keputusan Kerajaan Brunei untuk mengambil peranan sabagai pembawa masuk beras kanegeri ini adal-lah supaya ra'ayat negeri ini akan sentiasa menerima perbekalan beras itu.

Sa-kira-nya satu perjanjian tercapai di-antara Kerajaan Brunei dan Kerajaan Thailand di-Bangkok mengenai perkara tersebut, maka semua penjual akan membeli perbekalan beras mereka melalui Pegawai Perbekalan Negara.

Sa-lepas itu, Kerajaan Brunei akan membawa masuk beras yang termal'om bagi pihak mereka.

Harga jualan kepada penjual2 beras ia-lah mengikut harga beli. Ini termasuk-lah perbelanjaan tambang, wakil, pemereksaan, insuran dan jika perlu perbelanjaan untuk menjaga beras itu daripada menjadi burok.

## Dermasiswa Sharikat Minyak Shell

**SERIA.** — Persatuan Bekas Anggota2 Tentera di-Brunei telah menyatakan bahawa permohonan2 untuk mendapatkan dermasiswa Sekolah Menengah bagi tahun 1964 yang telah di-tawarkan kepada anak lelaki atau perempuan bekas Anggota Tentera di-Negeri Brunei yang berke-layakkan akan di-tutup pada penghujung bulan November ini.

Dermasiswa itu berharga sabanyak \$200 sa-tahun dan boleh berjalan sa-lama lima tahun.



Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un telah menyaksikan memadam kebakaran di-Kampung Ayer Brunei pada pagi 11 November, 1963. Berita dan sa-buah gambar pertunjukan kebakaran itu di-siarkan di-muka delapan.

## Inspektor Kong Leng Ka-England

**BERAKAS.** — Senior Inspektor Pulis, Chua Kong Leng telah berangkat dari Brunei dengan kapal terbang ka-Singapura pada petang hari Selasa 12 November dalam perjalanan-nya ka-England untuk menghadhiri Kursus Pegawai2 Pulis Seberang Laut.

Inspektor Kong Leng akan menghadhiri kursus tersebut di-Maktab Latehan Pulis Metropolitan, Hendon, London selama kira2 enam bulan.

Sa-belum berangkat ka-England, Inspektor Kong Leng telah berkhidmat sa-bagai Pegawai Pulis yang mengetuai Balai Pulis Temburong.

### SELAMAT BERANGKAT

Pemangku Pesuruhjaya Pulis Negeri Brunei, Inche A.J.W. Slater dan Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Pulis Negeri Brunei, Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Haji Rajid serta beberapa orang Pegawai2 Pulis dan lain2-nya telah mengucapkan "Selamat berangkat ka-England dan selamat balek ka-Brunei" kepada Inspektor Kong Leng di-bangunan Lapangan Terbang di-Berakas pada petang hari tersebut.



Senior Inspektor Chua Kong Leng (nombor empat dari kanan) bergambar dengan beberapa orang Pegawai2 Pulis Brunei di-Bangunan Lapangan Terbang Brunei pada hari Selasa 12 November, 1963 sa-belum beliau berlepas ka-England untuk berlatih di-sana. Berdiri nombor empat dari kiri ia-llah Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Pulis Negeri Brunei, Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

## KURSUS BAKAL2 HAJI

**BANDAR BRUNEI.** — Penduduk2 di-Daerah Brunei yang hendak menunaikan fardhu Haji pada tahun hadapan telah dapat peluang menghadhiri Kursus Untok Bakal2 Haji di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Khamis 14 November.

Penduduk2 di-Daerah Belait telah menghadhiri kursus tersebut bertempat di-Bilek Bachaan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Kuala Belait pada hari Isnin 18 November.

Satu Kursus Untok Bakal2 Haji bagi penduduk2 di-Daerah Tutong akan diadakan di-Mesjid Pekan Tutong pada hari Sabtu 23 November mulai pada pukul 9 pagi.

Penduduk2 di-Daerah Temburong pula yang akan menunaikan fardhu Haji pada tahun hadapan akan menghadhiri kursus tersebut bertempat di-Sekolah Melayu Bokok pada hari Sabtu 30 November, mulai pada pukul 10 pagi.



# "KEMAJUAN NEGARA BERERTI KEMAJUAN KITA"

—Kata Inche Shahbuddin

**SERIA.** — "Kemajuan kita bererti kemajuan negara dan sa-  
chapai kemajuan ini, kerjasama dan bantuan guru2 kepada Kera-  
jaan ada-lah sangat2 di-kehendaki", kata Inche Shahbuddin bin  
ketika berucap di-majlis pembukaan rasmi Meshuarat Agong Per-  
sekutuan Guru2 Melayu Brunei di-dewan Maktab Anthony Abell,  
Seria baharu2 ini.

Inche Shahbuddin menegaskan  
dalam ucapan beliau di-majlis  
tersebut bahawa Persekutuan  
Guru2 Melayu Brunei ada-lah  
di-antara ahli2 Pertubohan Gu-  
ru2 Sa-Dunia.

"Kita pernah mengikuti bebe-  
rapa persidangan yang di-anjor-  
kan oleh Pertubohan Sa-Dunia  
ini dan saya perchaya banyak  
perkara yang telah dapat di-  
chontohi dan di-auladani.

"Saya berharap dengan jalan  
ini, taraf Guru2 Melayu di-Br-  
unei ini akan dapat seimbang de-  
ngan taraf Guru2 di-negeri2  
yang telah maju.

"Kita berdo'a dan memohon  
kapada Allah dan memohon sa-  
moga kita sentiasa di-kurniakan-  
nya kejayaan dan kemajuan",  
kata Inche Shahbuddin.

Beliau menegaskan lagi baha-  
wa perkara2 yang di-binchang-  
kan dalam Meshuarat Agong  
Persekutuan Guru2 Melayu Br-  
unei pada hari tersebut berlainan  
daripada tahun2 yang lepas.

## KENAIKAN GAJI

Pada tahun2 yang lepas kata  
Inche Shahbuddin achara2 me-  
shuarat itu kebanyakan-nya ber-  
kisar dalam perkara2 yang ada  
hubungan-nya dengan Kerajaan,  
saperti merayu kepada Kerajaan  
mengenai kenaikan gaji, Dasar  
Pelajaran dan lain2-nya.

Tetapi pada hari tersebut, po-  
kok perbincangan-nya ada-lah  
sa-mata2 berkisar kapada hal2  
yang mengenai dengan kepen-  
tingan Persekutuan Guru2 Mela-  
yu Brunei itu sahaja, antara-nya  
memodali Bangunan Guru2 dan  
mengotor ranchangan untuk me-  
nyambut perayaan2 genap-nya  
usia P.G.G.M.B. 25 tahun pada  
tahun hadapan.

## USIA PERSEKUTUAN MENINGKAT REMAJA

Beliau berkata lagi "Usia Per-  
sekutuan kita ini telah mening-  
kat remaja. Dengan usia-nya  
ini tentu-nya telah banyak pen-  
galaman2 yang telah di-alami oleh  
Persekutuan kita.

"Hendak-nya segala pengala-  
man2 itu akan menjadi panduan  
dan pengajaran kapada kita dan  
untuk menempoh masa2 yang  
akan datang.



Yang Dipertua Agong, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Inche Shahbuddin bin Saleh kelihatan dalam gambar ini pada masa beliau berucap di-majlis pembukaan rasmi Meshuarat Agong P.G.G.M.B. di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria tidak berapa lama dahulu.

"Sa-panjang" tahun lepas ini,  
banyak perkara2 telah di-jalan-  
kan, umpama-nya so'al kenaikan  
gaji guru2. Hal ini sa-bagaimana  
yang di-ma'alumi oleh guru2 se-  
kalian telah beberapa kali di-  
timbulkan dalam achara perma-  
shuaratan kita. Hasil-nya tentu-  
lah di-rasai oleh ahli2 sekalian —  
walalu-pun demikian saya berha-  
rap sa-moga kita tetap waspada  
menunggu pertimbangan dari pe-  
hak yang berkenaan dan saterus-  
nya kita berharap sa-moga pan-  
dangan Kerajaan ka-arrah ini di-

wajipan ke-arrah perjalanan Ba-  
ngunan ini.

"Saya berharap sangat2 dan  
berharap sa-kali lagi supaya ki-  
ta benar2 meletakkan kepercha-  
yaan dengan penoh tidak untuk  
melaksanakan chita2 kita sa-  
hingga jaya-nya.

## PASTI BERJAYA

"Saya perchaya usaha kita ke-  
arah ini PASTI menemui keja-  
yaan kira-nya perpaduan dan  
persafahaman TETAP kita  
amalkan, kerana perpaduan-lah

sa-sungguh-nya sa-bagai satu alat  
untuk mencapai sa-suatu. Insha  
Allah akan berjaya.

"Bukan sahaja dalam hal ini,  
bahkan dalam hal2 lain-nya, sa-  
ya berharap sa-moga sa-tiap  
orang ahli Persekutuan Guru2  
Melayu Brunei mempunyai pan-  
dangan hidup yang lebeh jauh  
untuk mempertanggung jawab  
dan memikul beban Persekutuan  
kita, tegas-nya berat sama di-  
pikul — ringan sama di-jinjing.

"Kita sa-harus-nya tidak-lah  
sa-mata2 hanya berbangga de-  
ngan yang ada sekarang ini. Ma-  
lah kita harus mengawasi dan  
melengkapkan diri kita sa-bagai  
sa-orang guru.

"Tugas guru dalam sa-sa-buah  
negara ada-lah mengambil pera-  
nan yang penting dalam mem-  
bimbing masharakat ka-arrah ke-  
sedaran dan menanamkan perasa-  
an kasih sayang kapada negara.  
Tegas-nya maju dan mundur-nya  
sa-sa-buah negara itu ada-  
terletak atas tanggung jawab gu-  
ru2."

Inche Shahbuddin tegaskan la-  
gi beliau berharap kapada guru2  
sekalian supaya dapat melipat  
gandakan usaha-nya untuk me-  
didek anak bangsa agar dapat  
memenuhi kehendak2 dan men-  
sesuaikan dengan kemajuan  
Dunia di-waktu ini."

## Pakar Tanaman2 Melawat Brunei

**BERAKAS.**—Doktor A. John-  
ston, sa-orang Pegawai Pertubo-  
han Bangsa2 Bersatu, Bahagian  
Pertadbiran Makanan dan Pertan-  
ian telah melawat ka-Negeri  
Brunei sa-lama empat hari ba-  
haru2 ini.

Doktor Johnston ia-lah jua  
sa-orang pakar dalam usaha  
memberikan perlindungan kapada  
tanaman2.

Ia telah melawat ka-negeri ini  
dalam bidang lawatan-nya ka-  
negeri2 di-Tenggara Asia dan  
Timor Jauh.



Inche Chee Yong Fah di-lahirkan di-  
Negeri Brunei 23 tahun dahulu telah  
mendapat biasiswa Shariat Minyak  
Shell Brunei Berhad untuk melanjutkan  
pelajaran dalam Bahagian Undang2 di-  
Exeter Universiti England sa-lama tiga  
tahun. Inche Yong Fah telah lulus  
peperiksaan Darjah Sembilan di-Seko-  
lah Saint Michael, Seria. Kemudian ia  
telah melanjutkan pelajaran di-Sekolah  
Saint Joseph, Kuching untuk memper-  
olehi Sijil Persekolahan Tertinggi di-  
sana.

## PERADUAN MENGARANG CHERPEN ANJORAN ASTERAWANI BRUNEI

**BANDAR BRUNEI.**—Penduduk2 di-seluruh Negeri Brunei le-  
laki dan perempuan ada-lah di-jemput untuk mengambil bahagian  
dalam Peraduan Mengarang Cherita Pendek (cherpen). Peraduan  
itu di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Angkatan Sasterawan  
dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei.

Tajok Peraduan Cherpen terse-  
but terserah-lah kapada pengar-  
ang-nya sendiri. Bagaimana pun  
tiap2 Cherpen jangan-lah mem-  
bahitkan sa-saorang atau me-  
nyentuh sebarang petubohan,  
ugama atau pun politik.

Panjang Cherpen yang di-ke-  
hendaki ia-lah di-antara 1,200  
dan 2,000 perkataan dan mesti-  
lah ti-taip dalam jarak satu baris  
serta di-tulis sa-belah muka sa-  
haja.

Tiap2 Cherpen mesti-lah di-  
hantarkan sekali dengan tiga sa-  
linan.

Pengarang2 boleh-lah meng-  
gunakan nama samaran-nya.  
Akan tetapi, naina sa-benar dan  
alamat yang penoh mesti-lah di-  
sertakan di-kertas yang berasi-  
ngan daripada Cherpen yang di-  
hantarkan untuk di-tandingkan.

## HADIAH2

Tiga buah Cherpen yang ter-  
baik akan di-beri hadiah berupa

buku dan wang. Satu sagu hati  
berupa buku akan juga di-  
hadiahkan.

Cherpen2 yang berjaya dalam  
peraduan tersebut akan menjadi  
hak Persatuan Asterawani, mana-  
kala Cherpen2 yang tidak berjaya  
dalam peraduan itu akan di-  
kembalikan kapada pengarang-  
nya, jika di-kehendaki.

Tiap2 Cherpen tersebut mesti-  
lah di-alamatkan kapada Setia  
Usaha Agong, Persatuan Astera-  
wani, Inche Muslim Burmat,  
Peti Surat Nombor 434, Bandar  
Brunei dan sampai kapada-nya  
tidak lewat dari hari Selasa 31  
Desember, 1963.



# PROFESSOR SUTAN TAKDIR MENGADAP D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI.—Professor Sutan Takdir Alisjahbana, Ketua Jabatan Pengajian Melayu di-Universiti Malaya telah mengadap Kabawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan di-Istana Darul Hana pada masa lawatan-nya ka-Negeri Brunei baharu2 ini.

## Gerakan

### "Bawah Tanah"

## 5 ORANG CHINA DI-TANGKAP

BANDAR BRUNEI. — Pulis Brunei telah menyerbu rumah2 di-Bandar Brunei yang di-ketahui di-diami oleh orang2 yang di-shaki pada pagi hari Isnin 11 November dalam satu gerakan terhadap anasir2 gerakan "bawah tanah" dalam negeri ini.

Dalam gerakan tersebut Pulis Brunei telah menangkap lima orang China, ia-itu empat orang lelaki dan sa-orang perempuan.

Orang2 yang telah di-tangkap itu ia-lah Ang Swee Chuan, Ong Wei Ming, Ho Kei Kim dan Lim Tun Kuan semua-nya lelaki serta Chen Pei Tze, saorang perempuan.

Menurut satu kenyataan Pulis, gerakan tersebut telah di-lancarkan ia-lah untuk menchegehah kegiatan2 gerakan "bawah tanah" yang pro-komunis itu dari merebak.

Kenyataan tersebut berkata ada juga tanda2 yang membayangkan bahawa kumpulan tersebut telah menerima panduan dari rakan2 mereka yang tidak dikenali di-Kuching mengenai sa2 menjalankan kegiatan jenis komunis di-negeri ini.

Dengan terpisah-nya orang2 tersebut dari lapangan kegiatan, maka gerakan "Bawah Tanah" yang telah di-tubuhkan di-Brunei tidak shak lagi akan termusnah, kata lagi pengumuman tersebut.

## JAMBATAN2 BAHARU

BANDAR BRUNEI.—Sa-jumlah 21 buah jambatan di-kampung2 dalam Daerah Brunei/Muara telah mulai di-bena pada penghujung bulan Oktober yang lalu di-bawah Rancangan Perkembangan Luar Bandar.

Berhubung dengan rancangan tersebut, Pegawai Daerah Brunei/Muara, Inche Ali bin Awang Besar telah menyeru kepada penduduk2 di-Daerah Brunei/Muara supaya mereka memberi kerjasama masing2 bagi menjayakan kerja2 rancangan itu.

Inche Ali menjelaskan bahawa kejayaan Rancangan Perkembangan Luar Bandar itu bukan sahaja bergantung kepada pehak yang berkenaan akan tetapi juga terhadap kerjasama penduduk2 kampung2 yang berada dalam kawasan luar bandar.

Professor Alisjahbana telah di-iringi oleh Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar pada masa beliau mengadap Duli Yang Maha Mulia.

Professor Alisjahbana telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang pada hari Ahad 3 November, sa-telah melawat ka-Negeri Sarawak.

Beliau telah berangkat ka-Jesselton pada petang hari Selasa 5 November.

Tujuan lawatan Professor Alisjahbana ka-Negeri2 Brunei, Sarawak dan Sabah baharu2 ini ialah untuk menyelideki perkembangan Bahasa Melayu di-negeri2 tersebut.

Dalam masa lawatan Professor


## WAKIL PERSATUAN BUROH DAN KONGRES P.A.B. MELAWAT NEGERI BRUNEI

BERAKAS.—Wakil Persatuan Buroh dan Kongress Pertubohan Antara Bangsa di-Amerika Sharikat, Inche Edwin P. Wilson telah berkata bahawa tujuan yang utama beliau mengadakan lawatan ka-Timor Jauh ada-lah untuk menchuba menggalakkan pembentokan Kesatuan Sekerja yang bebas sa-chara demokrasi dan tidak berpolitik di-kawasan itu.

Inche Wilson telah berkata demikian dalam satu wawanchara dengan-nya di-lapangan terbang Berakas baharu2 ini sejurus sebelum beliau berangkat ka-Kuching dalam bidang lawatan-nya ka-Sarawak.

### PERBINCHANGAN

Inche Wilson telah tiba di-Brunei dari Jesselton dan semasa di-negeri ini beliau telah mengadakan perbincangan dengan Pesuruhjaya Buroh dan Pendaftar Kesatuan Sekerja, Yang Berhormat Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim, me-



INCHE EDWIN P. WILSON



Professor Sutan Takdir Alisjahbana, dengan di-iringi oleh Inche Ibrahim bin Mohamed Said, sa-orang Pegawai dari Bahagian Bahasa dan Pustaka, Jabatan Pelajaran, Brunei telah melawat ka-Daerah Belait dan Seria pada 4 November. Dalam gambar ini kelihatan Professor Alisjahbana (duduk) serta Inche Ibrahim bin Mohamed Said (berdiri nombor tiga dari kanan); Inche Abdul Aziz bin Malim, sa-orang Pegawai Jabatan Penerangan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad (berdiri di-hujung kanan sekali) dan lain2-nya pada masa Professor Alisjahbana melawat ka-Pejabat Penerangan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria. — Gambar dengan ehsan Jabatan Penerangan Sharikat

Alisjahbana ka-Negeri Brunei baharu2 ini, beliau telah melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin serta ka-beberapa tempat, termasuklah ka-kawasan Padang Minyak Seria.

Professor Alisjahbana telah juga memberikan cheramah mengenai perkembangan Bahasa Melayu di-hadapan ramai guru2

dan peminat2 Bahasa Melayu di-dewan Sekolah Perempuan Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada malam 4 November.

Perjumpaan tersebut telah dilangsungkan di-bawah anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Sa-belum menguchapkan "Selamat Tinggal kepada penduduk2 di-Negeri Brunei2" di-Lapangan Terbang Brunei pada petang 5 November, Professor Alisjahbana telah menyatakan harapan-nya sa-moga perkembangan Bahasa Melayu di-Negeri Brunei akan lebih berkesan lagi daripada keadaan-nya pada masa sekarang ini.

## Perigi2 Baharu

TUTONG.—Lima belas buah daripada tiga puluh buah perigi2 telah siap di-bena di-bawah Rancangan Luar Bandar, Daerah Tutong.

Lima belas buah lagi perigi2 tersebut di-jangka siap di-bena dalam bulan ini.

Perigi2 itu di-gunakan oleh lebih daripada dua ibu orang penduduk2 di-dua puluh buah kampung di-kawasan2 luar bandar di-Daerah Tutong. Demikian menurut keterangan sa-orang juruchakap Pejabat Daerah, Tutong.

## WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amasak bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 20 November hingga hari Sabtu 30 November, 1963 ada-lah sa-perti di-bawah ini:—

| H.B. | Amsak | Suboh | Dzohor | Asar | Maghrib | Isha |
|------|-------|-------|--------|------|---------|------|
| 20   | 4.37  | 4.52  | 12.17  | 3.36 | 6.15    | 7.28 |
| 21   | 4.37  | 4.52  | 12.17  | 3.36 | 6.15    | 7.28 |
| 22   | 4.37  | 4.52  | 12.17  | 3.36 | 6.15    | 7.28 |
| 23   | 4.38  | 4.53  | 12.18  | 3.37 | 6.15    | 7.28 |
| 24   | 4.38  | 4.53  | 12.18  | 3.37 | 6.15    | 7.28 |
| 25   | 4.39  | 4.54  | 12.18  | 3.37 | 6.16    | 7.29 |
| 26   | 4.39  | 4.54  | 12.18  | 3.37 | 6.16    | 7.29 |
| 27   | 4.40  | 4.55  | 12.18  | 3.37 | 6.16    | 7.29 |
| 28   | 4.40  | 4.55  | 12.19  | 3.38 | 6.16    | 7.29 |
| 29   | 4.40  | 4.55  | 12.19  | 3.38 | 6.16    | 7.29 |
| 30   | 4.41  | 4.56  | 12.19  | 3.38 | 6.16    | 7.29 |

Waktu sembahyang dan amasak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.



# So'alan — Jawapan Bertulis Di-Persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei

**BANDAR BRUNEI.** — Yang Berhormat Pehin Dato Temanggong Lim Cheng Choo telah mengemukakan dua so'alan2 yang bertulis dan Yang Berhormat Inche R.D. Ross telah mengemukakan enam so'alan2 yang bertulis dalam Persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei pada 23 Oktober, 1963.

So'alan2 yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Dato Temanggong dan jawapan2 Kerajaan terhadap so'alan2 itu adalah di-siarkan di-bawah ini

## PEGAWAI PEREMPUAN

**SO'ALAN 'A':** Benar-kah Pegawai2 perempuan yang berjawatan tetap dengan Kerajaan Brunei di-kehendaki berhenti dari perkhidmatan-nya apakala ia-nya bersuami?

Jika sa-demikian, bukan-kah peratoran ini nampak-nya membezakan antara Pegawai2 lelaki dengan Pegawai2 perempuan yang mana di-fikirkan tidak-lah begitu 'adil kerana sememang-nya lazim bagi sa-sorang makhlok akan mendirikan rumah tangga di-satu masa kelak.

Tidak-kah dapat peratoran tersebut di-perbetulkan agar perkara yang sa-demikian itu dapat di-atasi?

**JAWAPAN 'A':** Memang-lah benar bahawa Pegawai2 perempuan yang berjawatan tetap dengan Kerajaan Brunei di-kehendaki berhenti daripada perkhidmatan-nya apakala ia-nya bersuami sa-bagaimana di-kehendaki di-dalam fasal 30(a) dari Peratoran2 (Lantekan2 dan Kenaikan Pangkat) Pegawai2 Kerajaan, 1961.

## UNDANG2 IMIGRESEN DAN BUROH

**SO'ALAN 'B':** Benar-kah Undang2 Imigresen dan Undang2 Buroh yang ada sekarang tidak dapat menyekat pedagang2 asing dari membuka perniagaan di-negeri ini dengan sewenang2-nya hingga merugikan pedagang2 tempatan

Ini ia-lah kerana banyak kejadian telah berlaku manakala pekerja2 asing yang di-ambil bekerja oleh pedagang2 tempatan telah berhenti dari pekerjaan asal-nya sa-lepas sahaja mereka bertapak di-negeri ini dan membuka perniagaan mereka sendiri dengan ja'an mendaftarkan diri mereka sa-bagai pedagang2 dan sa-lepas itu pula mereka membawa masuk sahabat2 mereka dari negeri2 luar dengan jalan mendapatkan "Labour Quota". Hal ini jika di-biarkan akan merugikan pedagang2 tempatan.

Jika benar, tidak-kah dapat di-perketatkan Undang2 tersebut agar dapat mengawal kepeningan pedagang2 tempatan?

**JAWAPAN 'B':** Undang2 Buroh dan Imigresen yang ada sekarang tidak-lah dapat menyekatkan pedagang2 asing dari menjalankan perniagaan-nya di-negeri ini dengan syarat mereka itu ada mempunyai lesen yang

sah dari Pendaftar Agong Perniagaan Negeri Brunei dan ada mempunyai "Labour Quota" yang di-keluarkan oleh Pejabat Buroh.

Walau pun mereka itu di-benarkan membuka perniagaan di-negeri ini, akan tetapi mereka tidak-lah di-benarkan tinggal tetap di-negeri ini hanya buat sementara waktu sahaja, ia-itu dari sa-masa ka-masa di-bawah lengkungan Labour Quota dan di-kenakan chagaran yang berupaya wang.

Kebenaran ini boleh di-batalkan dengan serta merta dan mereka boleh di-keluarkan dari negeri ini bila2 masa di-kehendaki jikalau mereka di-dapati melakukan kesalahan atau pun merosakkan pedagang2 tempatan.

Pada masa ini Undang2 Buroh dan Imigresen belum-lah lagi dapat di-perketatkan kerana pedagang2 tempatan belum lagi begitu banyak yang menjalankan perniagaan, terutama-nya seperti pemborong; dan sa-hingga pedagang2 tempatan sudah banyak mendaftarkan diri untuk menjalankan perniagaan, maka baharulah Undang2 tersebut dapat di-perketatkan.

## BEKALAN AYER DAN LETRIK

So'alan2 bertulis yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Inche R.D. Ross dalam Persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei baharu2 ini adalah seperti berikut:—

**SO'ALAN 'C':** Bila-kah bekalan ayer dan letrik akan di-adakan ka-Kampung2 di-sa-panjang jalan besar Brunei — Seria?

**JAWAPAN 'C':** Ranchangan

bagi mengadakan bekalan letrik ka-kawasan2 Luar Bandar sudah pun di-ranchangkan dan pada masa ini sedang dalam pertimbangan Kerajaan.

Berkenaan dengan bekalan ayer pula, sa-bilangan Kampung telah pun di-adakan dengan bekalan ayer dan bagi Kampung2 lain yang telah menghantar permohonan, perigi2 telah pun di-luluskan untuk di-bena dan sedang dalam peringkat pelaksanaan.

## JALAN RAYA BRUNEI — JESSELTON

**SO'ALAN 'D':** Bila-kah Brunei akan mengadakan jalan bagi menyambung Ja'an Raya Besar dari Kuching ka-Jesselton dan ka-Utara?

**JAWAPAN 'D':** Sa-takat yang mengenai Brunei sememang ada satu chadangan untuk menyambung jalan2 raya Brunei ka-jalan2 raya di-dalam Sarawak di-Kuala Belait, Lumapas dan Temburong. Chadangan ini sedang di-pertimbangkan oleh Kerajaan.

## LAPANGAN TERBANG

**SO'ALAN 'E':** Tidak-kah boleh Lapangan Terbang Brunei dijadikan lapangan mengikut Darjah Antara Bangsa ("International Standard"), atau pun, kalau tidak, tidak-kah boleh satu lapangan terbang baharu di-bena di-lain tempat?

**JAWAPAN 'E':** Kerja2 untuk meluaskan Lapangan Terbang Berakas yang ada sekarang ini akan di-jalankan apabila sahaja pehak tentera yang sekarang sedang menggunakan sa-bahagian dari lapangan itu telah berpindah ka-tempat lain.

Kerja2 untuk meluaskan Lapangan Terbang Brunei apakala siap kelak akan membolehkan kapal2 terbang yang lebih besar lagi untuk mendarat di-situ.

## STADIUM OLAHRAGA KOLAM MANDI

**SO'ALAN 'F':** Bila-kah masa-nya sa-buah Stadium Olahraga yang mengandungi Kolam

Mandi akan di-bena dan apakah yang menyebabkan kelambatan untuk membena-nya?

**JAWAPAN 'F':** Perkara mengenai pembenaan Stadium yang mengandungi Kolam Mandi adalah mengikut keutamaan ranchangan itu.

Pada masa ini banyak lagi perkara2 lain yang lebih mustahak yang di-utamakan dari pembenaan Stadium itu. Walau bagaimanapun, ada-lah di-chadangkan untuk menjalankan penyiataan2 mengenai tapak, bentuk dan harga sa-buah Stadium mungkin dalam tahun 1964 nanti.

## ASRAMA KANAK2 KELAB BELIA

**SO'ALAN 'G':** Sa-buah Asrama Kanak2 Lelaki/Kelab Belia yang mempunyai tempat tinggal dan di-selenggarakan oleh kakitangan2 yang terlatih sa-pa-nya lama sudah di-bena.

Bila-kah langkah2 akan di-ambil untuk membetulkan perkara yang telah lupa di-buat ini?

**JAWAPAN 'G':** Pembenaan Kelab Belia telah di-luluskan didalam Anggaran Belanjawan Kemajuan Yang Di-Satukan Tahun 1963 dan tapak yang sesuai sekarang sedang di-chari.

## SETEM2 BAHARU

**SO'ALAN 'H':** Bila-kah setem2 baharu yang mengandungi gambar wajah Duli Yang Maha Mulia di-satu penjuror serta gambar pemandangan2 dan hasil2 perusahaan dalam Brunei akan di-adakan?


Ini ada-lah satu jalan untuk menambahkan hasil dengan syarat tidak di-buat berlebihan2, yang mana akan menghampakan kechenderongan pemungut2 setem.

**JAWAPAN 'H':** Pejabat Pos sudah pun menchipta setem2 Brunei bentuk baharu yang mengandungi gambar2 pemandangan Negeri Brunei dan perusahaan2 Brunei yang mana sekarang sedang di-pertimbangkan oleh Kerajaan. Ingatan akan di-ambil terhadap bilangan setem.

## P. D. Brunei/Muara Melawat Kg. Tunggu

**KAMPONG TUNGGU.** — Pegawai Daerah Brunei/Muara, Inche Ali bin Awang Besar telah melawat ka-Kampung Tunggu baharu2 ini dan telah bertemu ramah dengan penduduk2 tersebut mengenai pembenaan sa-batang jalan yang akan menghubungkan Kampung Tunggu dengan Jalan Gadong.

Berhubung dengan lawatan tersebut, Inche Ali berkata bahawa penduduk2 Kampung Tunggu menyambut baik dan berikrar akan bekerjasama untuk melaksanakan Ranchangan Perkembangan Luar Bandar bagi Daerah Brunei/Muara.



Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria telah menghadiahkan alat2 pembesar suara kepada Mesjid Kampong Berbunat di-Kuala Sungai Brunei pada pagi hari Juma'at 1 November, 1963. Hadiah itu telah di-sampaikan kepada Imam Mesjid tersebut, Tuan Haji Merpuji oleh Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Inche P. A. Coates. Gambar ini telah di-ambil di-hadapan Mesjid Kampong Berbunat setelah di-langsungkan upacara tersebut.



# SHARIKAT MINYAK SHELL HADIAHKAN CHENDERAMATA

**BERAKAS.** — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah menghadihkan chenderamata berupa pen dan pensil kepada dua orang penuntut Maktab Perguruan Melayu Brunei yang terbaik sekali dalam lapangan pelajaran dan lain2-nya dalam tahun 1962.

## TEMASHA DERMA BAKTI

**SERIA.** — Klab Belia Seria telah mengadakan satu temasha tari menari untuk mengutip derma persatuan itu bertempat di Dewan Orang Ramai kepunyaan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Seria apda malam 9 November, 1963.

Pada sa-paroh masa temasha tersebut, Setia Usaha temasha atau Inche Wan Shafie telah mengucapkan berbilang2 terima kasih atas kedatangan para penonton untuk membantu Tabong Derma Klab Belia Seria.

Dalam ucapan-nya Inche Wan Shafie berkata bahawa beliau ada-lah alat yang sangat berharga bagi sesuatu bangsa. Maka dengan sebab itu latehan serta panduan yang di-berikan kepada mereka ada-lah sangat penting.

Di-antara tujuan2 Klab Belia Seria, kata Inche Wan Shafie, ia-lah untuk menolong belia2 melalui kegiatan2 di-masa lapang, membentok tuboh badan, akal, moral dan semangat yang sehat supaya mereka boleh menjadi baik dan berfaedah kepada masyarakat.

Inche Wan Shafie telah mengucapkan berbilang2 terima kasih kepada Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Lembaga Perkhidmatan Orang Ramai, Pegawai2 Kerajaan Brunei dan lain2-nya yang telah bekerjasama serta menyumbangkan tenaga dan sa-bagai-nya terhadap Klab Belia Seria pada sa-tiap masa.

## Sa-Orang China Di-Penjarakan Kerana...

**KUALA BELAIT.** — Majistret Klas Pertama, Kuala Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menjatuhkan hukuman penjara sa-lama tiga bulan ka-atas Wong Yew Ming, sa-orang China Sarawak dari Baram kerana ia telah masuk ka-Negeri Brunei dengan sa-chara haram.

Pembicharaan itu telah di-adakan di-Mahkamah Kuala Belait pada hari Rabu 6 November, 1963.

Mahkamah tersebut telah memberi tahu bahawa Wong telah masuk ka-Negeri Brunei pada 29 Oktober, 1963 dengan tidak mempunyai paspot atau pun surat2 perjalanan yang sah.

Penuntut2 itu ia-lah Inche Thani bin Muhammad dan Puan Ramni binti Seruji.

Inche Thani pada masa ini mengajar di-Sekolah Melayu Sultan Muhammed Jamalul Alam, Bandar Brunei, manakala Puan Ramni pula kini mengajar di-Sekolah Perempuan Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei.

Hadiah2 itu telah di-sampaikan bagi pihak Sharikat Minyak Shell oleh Inche Chua Kong Heng, Penolong Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei pada pagi hari Khamis 7 November, 1963.

Dalam ucapan-nya Inche Kong Heng berkata bahawa beliau suka mengucapkan tahniah kepada dua orang bekas penuntut Maktab Perguruan Melayu Brunei yang telah berjaya mendapat hadiah tersebut dengan menaruh harapan besar bahawa mereka akan sentiasa mempertahankan nama baik Maktab Perguruan

Melayu Brunei serta lebeh2 lagi berusaha dalam lapangan pelajaran dan sa-bagai-nya.


Inche Kong Heng menegaskan lagi bahawa Sharikat Minyak Shell telah memberikan beberapa hadiah pelajaran kepada penuntut2 yang terbaik sekali pada tahun ini di-semua sekolah dalam negeri ini sabagaimana yang dilakukan pada tiap2 tahun.

Dengan hal yang sademikian, kata-nya, dapat-lah menggalakkan dan meninggikan lagi darjah pelajaran penuntut2 itu.

## SAMBUTAN HARI PUJA USIA D.Y.M.M. DI-KOTA BAHARU



Penuntut2 Brunei yang sedang belajar di-Maktab Perguruan Kota Baharu, Kelantan telah mengadakan Sambutan Hari Pujia Usia Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan bertempat di-Bangunan Kesatuan Guru2 Melayu, Kota Baharu, Kelantan baharu2 ini. Gambar atas: Pengetua Maktab Perguruan Kota Baharu kelihatan sedang berucap di-majlis tersebut. Gambar bawah: Gambar para hadirin di-majlis itu. Pengurus sambutan tersebut, Inche Abdullah Othman mengucapkan berbilang2 terima kasih, melalui PELITA BRUNEI kepada semua dermawan yang telah sudi mendermakan wang untuk menjayakan sambutan yang terma'lom. Gambar2 kiriman Inche Abdullah Othman.



Inche Chua Kong Heng kelihatan dalam gambar ini sedang menyampaikan chenderamata Sharikat Minyak Shell kepada Puan Ramni binti Seruji. Berdiri ditengah ia-lah Penolong Pengetua M.P.M.B. Inche Ali bin Hitam. Inche Thani bin Muhammad kelihatan di-penjuru sa-belah atas gambar ini.

## RANCHANGAN KEMAJUAN KELAB2 BELIA

**SERIA.** — Satu ranchangan untuk mempergiatkan lagi kechenderongan di-kalangan belia2 di-kawasan Seria, dalam lapangan pergerakan, di-dalam dan di-luar rumah telah pun di-susun untuk kegunaan Klab Belia Seria.

Pengelola Ranchangan Belia Daerah Belait, Inche Harun Kamal bin Endot berkata dalam satu kenyataan-nya bahawa satu jadual waktu sementara untuk persatuan itu sudah pun siap di-susun bagi memulakan permainan2 di-dalam dan di-luar rumah.

Gerakkan permainan dalam rumah akan meliputi kursus trengkas, lukisan dan pertukangan tangan, tarian kebudayaan, menyanyi beramai2, ekonomi rumah tangga, menyusun bunga2, tinju dan bola pimpong.

Gerakkan di-luar yang telah di-ranchangkan itu meliputi permainan bola sepak, bola jaring, bola tangkis dan lain2 permainan.

Inche Haron menegaskan lagi bahawa untuk melaksanakan ranchangan tersebut, beberapa buah Klab Belia akan di-tubuhkan di-kawasan luar bandar seperti di-Sungai Liang, Lumut, Labi dan di-lain2 tempat.

## Pelanchong2 Amerika Melawat Brunei

**BERAKAS.** — Sa-rombongan dua puluh dua orang pelanchong bangsa Amerika telah melawat ka-Negeri Brunei baharu2 ini dalam bidang lawatan mereka mengelilingi dunia.

Pada pelanchong tersebut telah melawat ka-Istana Darul Hana, Mesjid Omar Ali Saifuddin, Kampong Ayer dan ka-lain2 tempat di-Negeri Brunei.



# KERJA - KERJA KOSONG

Permohonan2 ada-lah di-pela-wa daripada chalon2 yang berkebolehan dan menjadi ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut dalam Rancangan Menghapuskan Malaria:—

(a) Ketua Pasokan Dalam Perchubaaan: (4 jawatan kosong).

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

(1) Mesti-lah berkelulusan Darjah V Sekolah Melayu dan Form II Sekolah Inggeris.

(2) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan saperti yang dinyatakan di-para (1) atas tetapi berpengalaman selama dua tahun dalam pekerjaan anti-malaria akan juga di-timbangkan.

(3) Chalon2 mesti-lah biasa dengan kawasan2 luar bandar, adat resam dan kebudayaan penduduk2 luar bandar.

(4) Pengetahuan teknik tidak di-perlukan. Latekan akan di-beri sa-telah di-lantek.

(5) Pemohon2 ada-lah di-perlukan mempunyai pengalaman dalam kerja menjaga buroh.

Gaji: Dalam scale \$211-220 x 10-260-280-290-310-330.

(b) **KERJA MEMANCHIT NYAMOK:**

(6 jawatan kosong)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

(1) Mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu dan mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris.

(2) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan saperti yang dinyatakan di-para (1) atas tetapi berpengalaman selama dua tahun dalam bidang kerja2 memanchit anti-malaria akan juga di-timbangkan.

(3) Mesti-lah sehat tuboh badan-nya.

**Tugas2:** Bersedia berkhidmat di-merata2 Negeri Brunei dan be-kerja di-sebarang waktu.

Gaji: Dalam scale \$183x7-211-220x10-269-280-290-300.

(c) **PEMUNGUT SERANGGA:**

(8 jawatan kosong)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

(1) Mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu dan mempunyai pengetahuan bahasa

Inggeris.

(2) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan saperti yang dinyatakan di-para (1) atas tetapi berpengalaman selama dua tahun sa-bagai pemungut dan penangkap nyamok dan serangga akan juga di-timbangkan.

(3) Mesti-lah mempunyai pengelihatan yang baik dan tuboh badan yang sehat.

(4) Latekan akan di-beri sa-telah di-lantek.

**Tugas2:** (1) Mesti-lah bersedia menjalankan tugas di-merata2 Negeri Brunei dan di-sebarang waktu.

(2) Menchari chontoh2 serangga daripada tempat2 yang tetap dan tempat2 lain.

Gaji: Dalam scale \$183x7-211-220-10-260-280-290-300.

(d) **MEMUNGUT CHONTOH DARAH**

(6 jawatan kosong)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

(1) Mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu dan mempunyai pengetahuan bahasa

Inggeris.

(2) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan saperti yang dinyatakan di-para (1) atas tetapi berpengalaman selama dua tahun dalam bidang kerja ini akan juga di-timbangkan. Latekan akan di-beri kapada chalon2 sa-telah di-lantek.

**Tugas2:** Memungut chontoh2 darah daripada orang ramai saperti yang di-kehendakki.

Gaji: Da'am scale \$183x7-211-220-10-260-280-290-300.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 28 November, 1963.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar menerusi Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

## PENEROPONG KUMAN

Permohonan2 ada-lah di-pela-wa daripada chalon2 yang ber-kelayakan dan yang menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memenohi enam jawatan kosong sa-bagai Peneropong Kuman dalam Perchubaaan di-Ranchangan Menghapus Malaria.

**Kelayakan:**

(a) Mesti-lah lulus Darjah IV Sekolah Melayu dan Form III Sekolah Inggeris.

(b) Mesti-lah mempunyai pengelihatan yang baik dan tuboh badan yang sehat.

(c) Latekan akan di-beri kapada chalon2 sa-telah di-lantek.

**Tugas2:** (a) Mengubat dan mereka chontoh2 darah.

(b) Mesti-lah bersedia menerima tugas2 di-merata tempat dalam Negeri Brunei.

Gaji: Dalam scale \$211-220x 10-260-280-290-310-330.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-

hantar menerusi Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 23 November, 1963.

## PEGAWAI PENAKSIR RUMAH

Permohonan2 ada-lah di-pela-wa untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Pegawai Penaksir Rumah di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form III Sekolah Inggeris dan Darjah V Sekolah Melayu dan mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam kira-mengira mengenai nilai chukai rumah yang di-kenakan

## Pelateh2

### Pulis

Permohonan2 ada-lah di-pela-wa daripada chalon2 yang berkebolehan yang menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan atau pun orang2 yang mempunyai kera'ayatan British yang bernaongan dan di-lahirkan di-Brunei untuk berkhidmat sa-bagai Pelateh2 Pulis dalam Pasokan Pulis Brunei.

**Pelajaran:** Lulus Darjah VI di-Sekolah Melayu atau pun Primary VI di-Sekolah Inggeris.

**Umur:** Di-antara 18 tahun dan 28 tahun.

**Tinggi:** Sekurang2-nya 5 kaki 2 inchi.

**Ukuran Dada:** Sekurang2-nya 31 inchi.

**Kesehatan:** Pemohon2 mesti-lah lulus peperiksaan doktor dan di-akui sehat oleh sa-orang Pegawai Perubatan Kerajaan.

Gaji: \$160 sa-bulan.

**Latekan:** Pemohon2 yang berjaya dalam pemilehan, mesti-lah sanggup pergi ka-Malaya untuk latekan.

**Borang2 Permohonan:** Boleh-lah di-dapati dari Ibu Pejabat Pulis di Bandar Brunei atau pun di-Panaga.

Borang2 permohonan itu hendak-lah di-kembalikan kapada Ibu Pejabat Pulis di-Bandar Brunei tidak lewat dari hari Sabtu 30 November, 1963.

oleh Jabatan Bandaran.

Gaji: Dalam Tingkatan G \$570x30-750 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Chalon yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri kontrak sa-lama 3 tahun termasuk-lah enam bulan masa perchubaaan. Chalon yang terdiri dari ra'ayaat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri jawatan tetap.

**Baksis:** Chalun yang di-lantek sechara berkontrek akan di-bayar baksis sa-banyak 12½% dari gaji-nya bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 November, 1963.

## Pembantu Ranchangan Radio Brunei

Permohonan2 ada-lah di-pela-wa untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Pembantu Ranchangan Grade III (Bahagian Melayu) dalam Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form III Sekolah Inggeris dan Darjah V Sekolah Melayu.

Suara 'microphone' yang baik ada-lah di-perlukan.

Chalon2 akan di-uji dalam perkara2 yang berikut:—

(a) Menulis satu ranchana pendek mengenai satu perkara pokok perbicharaan yang tertentu;

(b) Menyunting dan menyembahkan-nya sa-bagai pensharah yang mahir;

(c) Menjalani satu ujian sa-

bagai juruhebah, pembacha warta berita dan pelakun;

(d) Mengambil ujian pengetahuan 'am yang berdasarkan seni musik, sama ada lagu2 klasik atau ringan, berita2 tempatan dan dunia, sukan, buku2 dan penulisan2, politik dan ekonomi.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$211-220x10-260-280-290-310-330/350-370-380x20-560. Gaji permulaan bergantung kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan:** Chalon yang berjaya yang bukan ra'ayat Sultan akan di-beri kontrak sa-lama tiga tahun termasuk-lah 6 bulan masa perchubaaan. Chalon yang terdiri dari ra'ayat Sultan akan di-beri jawatan tetap.

**Baksis:** Chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek akan di-

bayar baksis sa-banyak 12½% gaji-nya bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar menerusi Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 9 Desember, 1963.



# Perlawanan2 Bulu Tangkis Dan Ping Pong Sekolah2 Melayu

**BANDAR BRUNEI.** — Perlawanan2 Bulu Tangkis dan Ping Pong antara Sekolah2 Melayu sahaja di-seluruh Negeri Brunei akan di-adakan tidak berapa lama lagi.

Menurut satu berita yang rasmi, Sekolah Menengah Melayu di-mestikan mengambil bahagian dalam perlawanan2 tersebut.

Sekolah2 Rendah di-benarkan memasoki perlawanan2 itu jika terdaya dan ada kesanggupan boleh mengadakan ahli pemain.

Perlawanan tersebut akan di-bahagikan kepada tiga bahagian ia-itu saperi di-bawah ini:

Perlawanan Bulu Tangkis: Per-saorangan Lelaki. Bergu Lelaki dan Bergu Perempuan.

Perlawanan Ping Pong: Persa-orangan Lelaki. Bergu Lelaki dan Bergu Perempuan.

Tiap2 sa-orang peserta ha-ya di-benarkan mengambil ba-gian dalam satu bahagian sa-uaja.

Perlawanan2 tersebut akan di-bahagikan kepada dua perengkat ia-itu Perengkat Daerah dan Perengkat Negeri.

## Perlawanan Tennis Piala John Soon

**SERIA.** — Perlawanan Tennis Sa-saorag untuk merebutkan Piala Perak John Soon, Bahagian Suku Akhir telah di-langsungkan di-Kawasan Tennis, Shell Recreation Club, Seria baharu2 ini.

Keputusan-nya ada-lah saperti di-bawah ini:

Suhaili Hashim mengalahkan Iustine Bong 6-3 dan 6-3.

Pengiran Hidup mengalahkan V.P. Narayanan 6-4 dan 6-3.

Barnabas Chia mengalahkan V.K. Oommen 6-4, 5-7 dan 6-3.

Clement Chia mengalahkan K.B. Nedungadi 9-7, 1-6 dan 6-2.

Dalam satu perlawanan Baha-gian Sa-paroh Akhir Clement Chia pula telah mengalahkan Su-haili Hashim dengan 6-4 dan 6-3 mata.

Perlawanan Perengkat Daerah akan di-mulai dalam minggu ak-hir bulan November ini, mana-kala Perlawanan Perengkat Ne-geri pula akan di-jalankan dalam minggu pertama bulan Desember akan datang.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Chegu Haji

Mohamed Yassin bin Haji Metas-sim, Guru Besar II, Sekolah Me-layu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei telah ber-murah hati menghadahkan sa-buah Perisai Rebutan untuk pa-sokan yang berjaya menjadi jo-han dalam perlawanan Bulu Tangkis tersebut.

Sa-lain dari itu, Jabatan Pe-lajaran Negeri Brunei akan mem-berikan lain2 hadiah kepada pa-sokan2 yang berjaya dalam Pe-rlawanan2 Bulu Tangkis dan Ping Pong itu.

## PERTANDINGAN TINJU KEJOHANAN SA-NEGERI BRUNEI

**BANDAR BRUNEI.** — Pertandingan tinju untuk merebutkan gelaran kejohanan bagi seluruh Negeri Brunei akan di-langsungkan di-kawasan permainan Pancharagam Pulis di-Bandar Brunei pada malam 7 Desember akan datang.

### Bola Tampar Murid2 Lelaki

**BANDAR BRUNEI.** — Perla-wanan Akhir Bola Tampar ("Volley Ball") antara murid2 lelaki dari Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei akan di-langsungkan di-kawasan padang permainan Sekolah Melayu Lela Menchanai pada hari Ahad 24 November, 1963.

Perlawanan tersebut akan di-mulai pada pukul 3 petang hari tersebut.

Pasokan yang tidak hadir pada masa dan tempat perla-wanan yang telah di-tetapkan itu, akan di-kira kalah.

### Bola Jaring Murid2 Perempuan

**BANDAR BRUNEI.** — Per-lawanan Akhir Bola Jaring ("Net Ball") antara Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei akan di-adakan di-kawasan Padang Besar, Bandar Brunei pada hari Juma'at 29 November, 1963 mulai pada pukul 3 petang.

Perlawanan tersebut ada-lah terbuka kepada murid2 perem-puan sahaja.

Pertandingan itu ada-lah ter-buka kepada ahli2 tinju di-negeri ini yang belum-lah lagi menang dalam sa-barang pertandingan tinju.

Bayaran masuk bertanding ti-dak-lah di-kenakan. Akan tetapi bayaran untuk menonton temasha tersebut di-kenakan bayaran ia-itu Kelas Khas dua ringgit sa-sa-orang dan Kelas Satu sa-ringgit sa-sa-orang.

### BORANG2 PERMOHONAN

Borang2 permohonan untuk mengambil bahagian dalam per-tandingan tinju tersebut boleh-lah di-dapati daripada Setia Usa-ha dan Bendahari Persatuan Tin-ju Negeri Brunei, Inche S. Pala-niandy di-Pejabat Elektrik, Ban-dar Brunei; Pengelola Ranche-ngan Belia Daerah Belait Inche Haron Kamar bin Endot atau da-ri-pada Inche J. Allen di-Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria.

Pemohon2 yang hendak meng-ambil bahagian dalam pertandi-ngan tinju itu di-minta meng-hantarkan borang2 permohonan masing2 kepada beliau2 yang ber-kenaan itu tidak lewat dari hari Ahad 1 Desember, 1963.

## PEMBENAAN PAIP BEKALAN AYER

**KAMPONG SUNGAI TERA-BAN.** — Pembenaan paip beka-lan ayer bagi Kampong Sungai Teraban bersebarangan de-ngan Pekan Kuala Belait kini sedang dalam pembenaan.

Pegawai Daerah Belait, Pe-ngiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, menerangkan bahawa pembenaan bekalan ayer ini ada-lah sangat susah kerana paip ter-paksa di-lakukan di-bawah Sun-gai Belait, tetapi kesulitan ini telah dapat di-atasi o'eh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

Pengiran Momin juga menyata-kan ini-lah julong2 kali pendu-dok2 di-Kampong tersebut yang berjumlah lebih 300 orang akan menekmati ayer paip yang sama saperti di-dapati di-pekan2 Kuala Belait dan Seria.

Sementara itu beliau menyata-kan bahawa satu batang jalan tanah, 40 rantai panjang dan 20 kaki lebar, yang bolch di-jalani oleh kereta2 ringan telah siap di-bena di-Kampong Sungai Te-raban.

Dua buah jambatan, kata be-liau lagi, yang menghubungkan jalan kampong tersebut telah juga siap di-bena oleh anggota2 Tentera Queen Own's High-landers dan orang2 kampong di-situ pada pertengahan tahun ini.

## Melawat Kawasan Telaga Minyak

**SERIA.** — Seramai 33 orang di-antara-nya 3 orang Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei telah mengadakan lawatan sam-bil belajar di-kawasan Telaga Minyak atas jemputan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria baharu2 ini.

Mereka telah di-berikan pene-rangan mengenai kerja mengorek minyak, chara pengeluaran mi-nyak dan lain2 perkara yang ber-sangkut paut dengan perusahaan minyak di-Negeri Brunei.



Pesuruhjaya Kerajaan Inggeris di-Negeri Brunei, Yang Terutama Inche Angus Mackintosh yang juga menjadi Ketua Pengakap Negeri Brunei telah menghadahkan Perisai Mac-kintosh kepada Persatuan Pengakap Negeri Brunei serta juga menyampaikan Surat2 Tauliah kepada Pegawai2 Pengakap dan Sijil2 kepada Pengakap2 di-Daerah Brunei yang telah berjaya memperolehi Lenchana2 Pengakap Baginda Queen. Upacara itu telah di-langsungkan di-Padang Besar, Bandar Brunei tidak berapa lama dahulu. Gambar2 ini telah di-ambil di-majlis tersebut.



# PERTUNJOKAN MEMADAM API DI-KAMPONG AYER BRUNEI

**BANDAR BRUNEI.** — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un telah menyeru kepada Ketua2 Kampung dan Pehin2 supaya memberikan kerjasama mereka dalam mengatasi kesulitan kebakaran di-kampung2 ayer dan darat di-Negeri Brunei.

## Parajurit2 Balek Ka-Siginting

**BANDAR BRUNEI.** — Semua parajurit Askar Melayu Brunei, di-ketuai oleh Second Lieutenant Sulaiman bin Awang Damit yang telah balek ka-Brunei dalam bulan Oktober yang lalu kerana berchuti di-Tanah Ayer akan berangkat balek ka-Negeri Sembilan pada hari Isnin 25 November untuk meneruskan latihan di-Perkhemahan Siginting.

Mereka di-kehendaki berada di-Tambatan Kastam Di-Raja. Bandar Brunei tidak lewat dari pukul 7 pagi hari tersebut.

Parajurit2 yang berkehendakan keinderaan ada-lah di-nasehatkan supaya mereka mengunggu di-tepi jalan besar yang berdekatan supaya dapat menyenangkan pemandu2 kereta mengambil mereka untuk di-bawa ka-Tambatan Kastam Di-Raja Bandar Brunei. Mereka akan belayar ka-Labuan dengan kapal "Bolkiah" pada pukul 7.45 pagi 25 November dan akan belayar dari Labuan ka-Singapura dengan kapal Kunak pada petang hari tersebut.


Mereka di-jangka sampai di-Singapura pada 29 November dan akan berangkat ka-Seremban dengan kereta api pada pukul 10 malam 29 November dalam perjalanan ka-Perkhemahan Siginting.

Seruan itu telah di-buat oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal ketika beliau memberikan ucapan di-atas kapal "Sultan" pada pagi hari Isnin 11 November, ia-itu sa-jurus sa-lepas anggota2 Perkhidmatan Bomba Brunei menunjukkan chara2 memadam kebakaran di-Kampung Ayer dengan menggunakan sa-buah perahu telampong yang di-lengkapi dengan perkakas2 pemadam api jenis baharu dari Hong Kong.

Di-antara orang2 yang hadir di-atas kapal tersebut untuk menyaksikan pertunjukan pemadam api itu ia-lah Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarul Zaman; Yang Berhormat Inche R.D. Ross; serta beberapa orang Ketua2 Kampung dan Pehin2.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah juga menasehatkan Ketua2 Kampung dan Pehin2 tersebut supaya mereka membuat perhubungan dengan Pengarah Perkhidmatan Bomba Negeri Brunei, Inche Lam Soo Man dan meminta penerangan berhubung dengan kebakaran daripada Inche Soo Man untuk pengetahuan anak2 buah kampung masing2.

Walau pun ada beberapa kesulitan, sa-umpama tiang2 rumah terlampau berdekatan di-antara satu rumah dengan lain dan perahu telampong itu tidak dapat



Anggota2 Pasukan Perkhidmatan Bomba Brunei kelihatan dalam gambar ini sedang menunjukkan chara memadam kebakaran di-Sungai Brunei pada pagi hari Isnin 11 Nov. 1963.

menghampiri tempat berlaku kebakaran itu, akan tetapi masa'-alah sa-demikian dapat di-atasi dengan menggunakan paip getah yang ada diatas perahu telampong itu, kata Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal.

Beliau menegaskan bahawa perahu telampong itu, bukan sahaja boleh di-gunakan untuk memadam kebakaran di-Kampung Ayer, bahkan ia juga dapat menghampiri tebing2 sungai yang ayer-nya hanya beberapa kaki sahaja dalam.

## KELAB BELIA DI-TUBOHKAN DI-KUALA BELAIT

**KUALA BELAIT.** — Belia2 di-Kuala Belait telah menubuhkan Kelab Belia Kuala Belait dalam satu perjumpaan yang telah di-adakan di-bangunan Sekolah Chung Hwa, Kuala Belait pada petang hari Ahad yang lalu.

Pengelola Rancangan Belia Daerah Belait, Inche Harun Kamal bin Endot dan Inche Wan Shafie, sa-orang Pegawai Klub Belia Seria ia-lah di-antara orang2 yang telah memberi penerangan berkenaan dengan penubuhan Kelab2 Belia di-majlis tersebut.

Pegawai2 Kelab Belia Kuala Belait yang telah di-lantik dalam mesuarat tersebut ada-lah saperti di-bawah ini:

Yang Dipertua — Puan Chow Suet Peng. Naib Yang Dipertua — Inche M.A. Rahman. Setia Usaha Kehormat — Inche Han

Keng Guan. Penolong Setia Usaha Kehormat — Puan Chong Seng Moi. Bendahari Kehormat — Puan Mary Chong. Ahli2 Jawatan Kuasa — Puan Helen Loh. Inche Embran. Inche Chuan Ted Sheng dan Awangku Tajuddin.

## Seniman2 — Seniwati2 Singapura Melawat Brunei

**KUALA BELAIT.** — Beberapa orang Seniman dan Seniwati Melayu serta China dari Singapura telah menghiburkan hati ramai para penonton di-temasha Malam Gembira di-Pekan Kuala Belait dengan mempersembahkan berbagai2 nyanyian2 suka ramai, tarian2 berchorak kebudayaan dan baharu, lakonan2 jenaka, permainan silap mata dan lain2-nya semenjak malam Nov. 11.

Di-antara Seniman2 dan Seniwati2 tersebut ia-lah Zaini Satar, "Raja Kelakar" Pak Saleh Tapai Ubi, Hamid Geliga, Aminah Ismail, Rafeah Ismail, Samaniah Sa'at, Safariah Parman dan Lee Ming.

Berbagai2 acara penghiboran, bukan sahaja untuk orang2 dewasa, bahkan untuk2 kanak2 juga di-adakan di-temasha Malam Gembira itu saperti Buayan Berpusing, Kuda Berpusing, Kereta Api dan sa-bagai-nya.

Temasha Malam Gembira itu akan di-teruskan hingga ka-akhir bulan ini. Kemudian temasha itu akan di-adakan di-Bandar Brunei pula.

## MEMELOK UGAMA ISLAM

**BANDAR BRUNEI.** — Empat orang adek beradek bangsa China yang tinggal di-Kampung Kilanas, Jalan Tutong telah memelok Ugama Islam pada malam 9 November, 1963.

Istiadat mengislamkan ka-empat2 orang itu telah di-lakukan oleh Kadhi Ishak bin Adam di-rumah Pengiran Haji Mahmood, di-Kampung Pemancha Lama, Bandar Brunei.

Ramai Pegawai2 Mesjid dan lain2 orang telah menyaksikan istiadat tersebut.

Ka-empat2 orang adek beradek tersebut yang telah memelok Ugama Islam ada-lah saperti di-bawah ini:

Yee Ngit Yin, berumur 17 tahun. Nama Islam-nya ia-lah Umi Kalsom binti Abdullah.

Yang Siong Fong, berumur 8 tahun. Nama Islam-nya ia-lah Rokiah binti Abdullah.

Yang Chook Fah, berumur 7

tahun. Nama Islam-nya ia-lah Salbiah binti Abdullah.

Yang Foo Yee, berumur 3 tahun. Nama Islam-nya ia-lah Abu Bakar bin Abdul'ah.

## MAJLIS PEMINANGAN DI-SERIA



Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah mempersembahkan Malam Kesenian dan Kebudayaan sa-bagai menyambut Mesuarat Agung Ulang Tahun P.G.G.M.B. di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada malam 25 Oktober yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan satupersembahan istimewa di-temasha tersebut mengenai Adat Meminang Di-Negeri Brunei. Gambar dengan ehsan akbar SALAM.